

## PENDEKATAN PENGAJARAN ILMU BALAGHAH DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM MALAYSIA

### THE APPROACHES IN THE TEACHING OF BALAGHAH AT PUBLIC HIGHER LEARNING INSTITUTIONS IN MALAYSIA

Mohamad Syukri Abdul Rahman PhD<sup>1</sup>

Muhammad Daoh PhD<sup>2</sup>

Muhammad Redzauddin Ghazali<sup>3</sup>

Mohd Rufian Ismail<sup>4</sup>

Mohd Izzudin Mohd Pisol<sup>5</sup>

Nurfida'iy Salahuddin<sup>6</sup>

Accepted date: 14 February 2018

Published date: 10 July 2018

**To cite this document:** Rahman, M. S. A., Daoh, M., Ghazali, M. R., Ismail, M. R., Pisol, M. I. M., & Salahuddin, N. (2018). Pendekatan Pengajaran Ilmu Balaghah Di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(14), 48-58.

---

**Abstrak:** Balaghah merupakan salah satu komponen utama dalam kesusasteraan Arab yang wajib diambil oleh pelajar jurusan Bahasa Arab sama ada sebagai subjek major, minor, wajib atau elektif dalam sesebuah institusi. Tambahan pula, ia merupakan elemen penting dalam proses penguasaan Bahasa Arab dengan baik. Namun begitu, kegagalan pelajar dalam menguasai subjek ini dengan baik menjadi satu isu dimana ketiadaan modul Balaghah yang khusus untuk para pelajar. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti pendekatan pengajaran ilmu Balaghah di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) memandangkan ianya merupakan subjek yang kritikal dan perlu dikuasai oleh pelajar mengikut waktu yang telah ditetapkan oleh universiti. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk menilai sejauh mana keberkesanan modul pembelajaran subjek Balaghah yang sedia ada di IPTA Malaysia. Berdasarkan hasil pemerhatian dan temubual separa berstruktur ke atas 13 orang pensyarah Bahasa Arab di seluruh IPTA Malaysia mendapati bahawa kemampuan pelajar dalam menguasai ilmu balaghah berada pada tahap yang lemah kerana pendekatan, strategi dan metode pengajarannya kurang efektif dan sesuai di kalangan pelajar IPTA. Hasil kajian juga mendapati bahawa para pensyarah bersetuju sekiranya lima kedah pengajaran dan pendekatan berpusatkan murid digunakan dalam pengajaran modul balaghah. Maka dengan itu, satu pendekatan pengajaran yang berkesan perlu dirangka dan disusun semula agar objektif pengajaran dan pembelajaran ilmu balaghah ini tercapai. .

**Kata kunci:** Pendekatan, Pengajaran, Modul, Balaghah, IPTA.

**Abstract:** Balaghah is one of the major components of Arabic literature. It must be taken by Arabic language students either as a major, minor, mandatory, or an elective subject at any

*higher learning institution. Balaghah is also important for successful Arabic language acquisition. However, students' failure in mastering Balaghah has become an issue due to the absence of a student-centred module for the subject. Therefore, this study aimed at identifying the approaches in the teaching of Balaghah at Malaysian public higher learning institutions (IPTA) as it is a critical subject and must be mastered by the students. In addition, this study also aimed at evaluating the effectiveness of the existing modules on Balaghah at the higher learning institutions. Thirteen (13) Arabic language lecturers from the institutions were observed and participated in semi-structured interviews. The researchers found that the students' ability to master the discipline of Balaghah was weak due to ineffective approaches, strategies, and teaching methodologies. The researchers also found that the Arabic language lecturers agreed on the use of five student-centred approaches in the teaching of Balaghah. In short, an effective teaching approach should be structured to achieve the teaching and learning objectives.*

**Keywords:** Approaches; Teaching; Modules; Balaghah; IPTA

---

### **Pengenalan**

Bahasa merupakan lambang ketamadunan setiap umat manusia dan bangsa di dunia. Ianya merupakan wasilah dalam menyampaikan komunikasi bagi setiap individu dan masyarakat dunia. Begitu juga dengan bahasa Arab yang mempunyai keistimewaannya yang tersendiri tidak mungkin terdapat dalam bahasa-bahasa lain. Keistimewaan bahasa Arab ini terletak pada rima huruf dan perkataannya, mempunyai kosa kata yang luas, perumpamaan yang indah, makna yang mendalam dan menyeluruh, ta'bir ayat yang ringkas serta 'irabnya. Kefahaman dalam kesusasteraan Arab ini akan memudahkan seseorang memahami maksud struktur ayat dan gaya bahasa yang digunakan terutama dalam memahami al-Quran dan hadis.

Menurut Zulkhairi (2012), perkembangan ilmu balaghah di Malaysia adalah sejajar dengan Bahasa Arab di Malaysia. Ini adalah kerana ilmu balaghah merupakan salah satu komponen penting dalam bahasa Arab selain daripada komponen-komponen yang lain seperti nahu (tatabahasa), sarf (morfologi) dan sebagainya. Kedudukan ilmu ini juga dilihat semakin kukuh apabila mata pelajaran bahasa Arab diterima dalam kokurikulum kebangsaan untuk dipelajari oleh pelajar aliran agama sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sehinggalah ke institute pengajian tinggi awam (IPTA).

Namun begitu, tahap penguasaan balaghah tidak kira di peringkat sekolah mahupun universiti masih pada tahap yang membimbangkan. Kajian Anuar (2013) menyatakan bahawa kebanyakan pelajar mengakui kemampuan mereka dalam menguasai ilmu Balaghah masih di tahap yang lemah terutama ketika menyambung pelajaran ke peringkat pengajian tinggi. Oleh itu, penyelidikan ini adalah untuk meninjau pendekatan pengajaran ilmu balaghah yang digunakan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia agar permasalahan mengenai isu ini dapat diselesaikan.

### **Penyataan Masalah**

Pembelajaran ilmu Balaghah di Malaysia berdasarkan sukatan pelajaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bermula di tingkatan empat bagi pelajar Sekolah Menengah Agama. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Sohair Bakar (1999), mendapati bahawa penguasaan ilmu Balaghah dalam kalangan pelajar amat rendah dan tidak diminati pelajar. Hal ini masih berlaku walaupun Balaghah Arab telah didedahkan kepada pelajar dalam pendidikan bahasa Arab semenjak di tingkatan empat. Menurut beliau, antara faktor yang

menyebabkan kelemahan tersebut ialah proses pengajaran Balaghah yang terlalu mementingkan definisi serta kaedah, baik semasa pembelajaran atau dalam peperiksaan.

Menurut kajian yang dibuat oleh Anuar Sopian (2013) mendapati bahawa tahap penguasaan pelajar agak lemah kerana mereka kurang berminat dan tidak mempunyai kesedaran tinggi tentang kepentingan ilmu Balaghah. Selain itu juga, mereka kurang keinginan untuk mendalami ilmu Balaghah tersebut. Kajian terhadap penguasaan pelajar turut dijalankan oleh Raja Hazirah (2012) yang mendapati tahap penguasaan pelajar IPT terhadap mata pelajaran ini berada di tahap rendah dan sederhana, manakala tahap motivasi dan kecenderungan mereka untuk menguasai ilmu ini adalah tinggi. Menurut kajian beliau lagi, pelajar masih belum dapat menguasai ilmu ini dengan sebaik-baiknya, walaupun mereka telah memperolehi pencapaian yang baik dan cemerlang dalam peperiksaan.

Berdasarkan kajian-kajian yang dibincangkan menunjukkan kelemahan yang dihadapi oleh pelajar dalam penguasaan ilmu Balaghah dalam semua peringkat pengajian walaupun tahap motivasi dan kecenderungan mereka dalam menguasai ilmu tersebut adalah tinggi. Justeru itu, isu ini perlu diberi perhatian oleh semua pihak yang terlibat dalam pelbagai aspek kerana kelemahan ini masih belum dapat diatasi

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk memastikan objektif yang dinyatakan tercapai sebagaimana berikut:

1. Mengenalpasti pendekatan pengajaran ilmu Balaghah di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).
2. Menilai sejauh mana keberkesanan modul pembelajaran subjek Balaghah yang sedia ada di IPTA Malaysia.

### **Kajian Lepas**

Permasalahan dan isu yang ada di peringkat menengah perlu diambil kira bagi memahami permasalahan awal dalam pembelajaran Balaghah, antara masalah yang dihadapi oleh pelajar adalah tidak dapat memahami apa yang dipelajari berkaitan ilmu Balaghah. Pelajar juga tidak dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam penggunaan ayat yang lain (Ahmad Sofian, 2013). Menurut beliau juga, pelajar menghadapi masalah untuk menggunakan buku teks yang disediakan dan tidak dapat mengambil manfaat darinya. Hal yang demikian menyebabkan pelajar tidak dapat membuat tugas-tugas yang diberikan dengan betul. Di samping itu, masa PdP yang tidak mencukupi untuk balaghah juga antara faktor yang menyumbang kepada permasalahan ini.

Di samping itu, antara isu yang diketengahkan oleh para sarjana berkaitan dengan pembelajaran balaghah ialah perletakan objektif yang tidak sesuai, kandungan silibus yang tidak ada kesinambungan dari satu ke satu tahap, metod pengajaran yang terlalu menekankan konsep hafalan definisi, metod yang mengabaikan aspek pemupukan cita rasa sastera Arab iaitu usaha untuk menyingkap keindahan dan rahsia di sebalik ungkapan dan metod penilaian yang mengabaikan aspek aplikasi dan analisis. Kesemua ini adalah faktor-faktor penghalang tercapainya matlamat pengajaran dan pembelajaran balaghah yang baik dan sempurna (Shuhaida Hanim, 2014).

Menurut Raja Hazirah (2014) antara permasalahan yang dihadapi oleh pelajar di peringkat pengajian tinggi adalah masa dan ruang yang sangat terhad yang mana sukatan pelajaran

Balaghah yang merangkumi tiga komponen ilmu (*al-Maani*, *al-Bayan* dan *al-Badi'*) perlu dihabiskan dengan hanya 14 kali pertemuan, pada setiap semester. Menurut beliau lagi, rujukan yang ada pula sangat terbatas dan sukar didapati oleh mahasiswa pengajian Islam. Ditambah lagi dengan penerapan kaedah-kaedah Balaghah yang sangat sukar untuk diterapkan dalam bentuk penjelasan model ceramah, yang perlu sentiasa diulang oleh pensyarah dan juga memerlukan konsentrasi yang tinggi daripada pihak pelajar.

Kajian Azhar (2008) turut menyatakan tentang kekeliruan dalam pengajaran Balaghah, pendekatan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Balaghah banyak yang menyeleweng dari konsep asal pengajaran dan pembelajaran. Hal ini menyebabkan objektif dan matlamat pengajaran dan pembelajaran Balaghah tidak berjaya dicapai sepenuhnya.

Manakala menurut Abdullah Tahmim (1999), kesilapan dalam pengajaran Balaghah ini bukan sahaja terletak pada pemilihan jenis ilmu Balaghah dan cara pengajarannya, tetapi kesilapan lain yang tidak kurang bahayanya juga berlaku seperti kesilapan menentukan keutamaan bidang-bidang ilmu Balaghah. Apa yang dapat diperhatikan ialah pihak yang bertanggungjawab menyusun sukatan pelajaran Balaghah ini dengan tidak mengambil kira kesesuaian bidang dan pencapaian pelajar. Pengajar mengikut apa yang telah sedia ada tanpa melihat sebab-sebab mengapa penyusunan begitu dibuat.

Tambahan pula, menurut Azhar (2008), sukatan yang sedia ada dan digunakan di negara Arab memulakan ilmu *Bayan*, disusuli dengan ilmu *ma'ani* dan kemudian ilmu *badi'*. Lalu, sukatan di Malaysia turut menyusun mengikut susunan yang sama sedangkan susunan itu adalah untuk pelajar-pelajar Arab. Soal kemahiran bahasa tidak timbul di kalangan pelajar Arab kerana bahasa Arab adalah bahasa mereka. Ini berlainan sekali dengan pelajar Melayu yang bahasa Arab merupakan bahasa yang baru dalam kehidupan mereka. Penguasaan bahasa Arab sangat lemah.

Abd Rahim Ismail (1999:185) pula berpendapat satu masalah yang dihadapi dalam konteks pengajaran balaghah di Malaysia ialah pemilihan objektif yang tidak sesuai. Menurut beliau, pemilihan objektif yang hanya berkisar di sekitar aras pengetahuan tidak akan mampu memperkembangkan potensi bahasa para pelajar seperti kemampuan bertutur, menulis, memahami teks-teks sastera dan pemupukan cita rasa sastera.

Berdasarkan kepada dapatan kajian di atas, beberapa isu yang telah dibincangkan seperti pemahaman dan aplikasi pelajar, penggunaan buku teks, peruntukan masa, objektif dan kandungan silibus, kaedah pengajaran, rujukan yang terbatas telah dikenalpasti antara faktor kelemahan penguasaan Balaghah dalam kalangan pelajar IPT. Justeru, satu langkah proaktif perlu diambil dalam mengatasi isu-isu di atas antaranya penilaian kepada modul-modul pengajaran Balaghah yang sedia ada berdasarkan tahap kesesuaian pelajar penutur bukan Arab di IPT Malaysia.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini adalah kajian tinjauan yang menggunakan teknik kualitatif. Seramai 13 orang pensyarah yang mengajar bahasa Arab di IPTA seluruh Malaysia dipilih sebagai sampel kajian yang memiliki kepakaran dan pengalaman mengajar subjek Balaghah melebihi sepuluh tahun. Umumnya, subjek balaghah ditawarkan di IPTA yang mempunyai program pengajian dalam bidang Bahasa Arab, bagaimanapun tidak semua IPTA tersebut menawarkan subjek balaghah kerana ia dianggap sebagai matapelajaran yang sukar dikuasai oleh pelajar. Antara responden pensyarah di IPT yang terlibat ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti

Malaya (UM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Temubual individu ini telah dilakukan dengan menggunakan temubual separa berstruktur yang kesemuanya terdiri daripada 18 soalan secara terbuka. Terdapat tujuh soalan yang dikemukakan berdasarkan pendekatan modul Balaghah berserta cadangan terhadap penambahbaikan pengajaran. Bagi penganalisan data pula menggunakan kaedah analisis teks untuk mendapatkan hasil kajian yang diperlukan.

### **Pendekatan Pengajaran Modul Balaghah**

Pengajaran dan pembelajaran balaghah di Malaysia kebanyakannya masih bergantung kepada pendekatan dan kaedah tradisional kerana buku teks yang digunakan masih bersifat tradisional (*turath*) dan dikarang untuk penutur bukan Arab. Dalam hal ini Azhar Muhammad et. al. (2004) mencadangkan pendekatan dan kaedah yang boleh digunakan sebagaimana yang disebut oleh pakar-pakar pendidikan bahasa ialah :

- a) Kaedah Induktif (*Al-Tariqat al-Istiqraiyyah/ al-Istinbatiyyah*)  
Kaedah ini merupakan kaedah yang sesuai untuk pengajaran mata pelajaran yang mempunyai kepelbagaian tajuk. Kaedah ini lebih menumpukan kepada memanfaatkan maklumat-maklumat lepas untuk digabungkan dengan maklumat maklumat baru agar menjadi bahan ilmiah yang dapat disepadukan. Kaedah ini merupakan kaedah terkini yang popular digunakan dalam pengajaran mata pelajaran bahasa yang berteraskan kepada kaedah.

Secara umumnya, pengajaran kaedah ini dimulakan dengan contoh-contoh, menghuraikannya dan mengeluarkan kaedah (Husin Sulaiman Qurrah: t.t). Kaedah ini dapat dilangsungkan melalui lima langkah utama dalam pengajaran dan pembelajaran (Nik Mohd Rahimi e.t: 1999):

- i. Pendahuluan (*al-Tamhid*)
  - ii. Hubungkait dan perbandingan (*al-ribt wa al-muwazanah*).
  - iii. Rumusan (*al-Ta 'mini wa istiqra' al-Qaedah*)
  - iv. Implimentasi (*al-Tatbiq*)
  - v. Kerja Rumah (*al-Wajib al-Manzili*).
- b) Kaedah Deduktif (*Al-Tariqat al-Qiasiyyah*)  
Kaedah ini disempurnakan dengan perpindahan daripada hukum umum (*kulli*) kepada hukum yang lebih khusus (*juz 'i*). Pengajaran dimulakan dengan menyebut/mengingati kaedah atau hukum secara am dan mengukurnya dengan cara mengemukakan contoh-contoh bagi menyabitkan hukum tersebut (Husin Sulaiman Qurrah: t.t).

Dalam mengaplikasikan pendekatan di atas beberapa kaedah dan teknik digunakan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran balaghah antaranya ialah:

- a) Kaedah Secara Langsung (*Tariqah mubasyarah*)
  - i. Kaedah ini memberi keutamaan kepada aspek kemahiran komunikasi menggantikan kemahiran dari segi pembacaan, penulisan dan penterjemahan. Dalam kaedah ini, bahasa pada asasnya ialah kemahiran berkomunikasi yang menjadi alat perhubungan sesama manusia.
  - ii. Kaedah ini menyetepikan penggunaan penterjemahan semasa pengajaran bahasa Arab dijalankan. Mereka yang berpegang kuat kepada kaedah ini menganggap

- penterjemahan sebagai faktor yang akan merosakkan penguasaan bahasa asing yang sedang dipelajari.
- iii. Kaedah ini tidak memberi ruang langsung kepada bahasa ibunda semasa pengajaran bahasa Arab.
  - iv. Kaedah ini menggunakan kaedah perbandingan dan perkataan seerti atau penghuraian yang cuba menggambarkan tentang perkara yang dipelajari.
- b) Kaedah Terjemah (*Tariqah Tarjamah*)  
 Antara ciri-ciri penting kaedah ini menurut Ahmad Kilani (2001) ialah:
- i. Kaedah ini menitik beratkan kemahiran dari segi pembacaan, penulisan dan penterjemahan. Kaedah ini tidak memberi penekanan terhadap aspek kemahiran berkomunikasi.
  - ii. Kaedah ini menggunakan bahasa ibunda sebagai perantaraan dalam mengajar bahasa-bahasa asing. Dengan kata lain, kaedah ini menggunakan terjemahan sebagai cara paling utama dalam mengajar bahasa asing khususnya bahasa Arab.
  - iii. Kaedah ini menitikberatkan aspek pengajaran tatabahasa sebagai cara yang penting dalam pengajaran bahasa asing. Ia juga digunakan sebagai kaedah untuk mengukur tentang kesahan bahasa tersebut atau sebaliknya.
- c) Kaedah Gabungan (*Tariqah Taulifah*)  
 Eklektik yang memberi maksud gabungan. Oleh itu, pendekatan eklektif ialah pendekatan yang menggabungkan kedua-dua pendekatan induktif dan deduktif untuk menghasilkan satu pendekatan pengajaran yang baru. Proses pengajaran yang menggunakan pendekatan ini akan mempunyai dua kaedah pengajaran sama ada menggunakan pendekatan yang cenderung kepada induktif ataupun pendekatan yang cenderung kepada deduktif. Kaedah pengajaran yang cenderung kepada pendekatan induktif ialah dengan guru mendatangkan contoh-contoh yang berkaitan dengan aspek bahasa yang hendak diajar. Kemudian pelajar akan membuat generalisasi dan kesimpulan berdasarkan contoh-contoh yang telah diberikan.
- Sebaliknya dengan menggunakan pendekatan eklektif pula, guru boleh memulakan pengajaran dengan menggunakan kaedah yang cenderung kepada deduktif dengan menerangkan generalisasi dan kesimpulan terhadap tajuk yang ingin diajar terlebih dahulu. Kemudian contoh-contoh akan diberikan oleh guru dan pelajar untuk menghuraikan generalisasi tersebut. Akhirnya, para pelajar digalakkan untuk menggunakan generalisasi tersebut dalam konteks dan contoh-contoh yang hampir sama sebagai pengukuhan.
- Selain daripada dapat meningkatkan keyakinan guru untuk mengendalikan pengajaran, antara kelebihan pendekatan eklektif ini ialah ia amat sesuai dilaksanakan dalam kelas yang mempunyai pelajar yang memiliki pelbagai kebolehan (Azhar, 2008: 74). Ini kerana pendekatan eklektif ini telah mencantumkan unsur-unsur penting kedua-dua pendekatan induktif dan deduktif untuk menghasilkan satu strategi yang lebih seimbang (Koh Boh Boon, 1981).
- d) Kaedah Interaktif (*Tariqah Tawasulliah*)  
 Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, interaktif bermaksud interaksi atau saling bertindak. Menurut Ab Rahman et. al. (2003), interaktif adalah pemilihan arahan yang telah diprogramkan oleh pelajar secara aktif dan tersusun supaya

pembelajaran lebih bermakna dan memuaskan. Phillips (1997) telah mendefinisikan interaktif sebagai suatu proses memberikan kuasa kepada pengguna untuk mengawal persekitarannya dengan menggunakan komputer (Nor Aisyah, 2005).

Elemen interaktif ini terdiri daripada pelbagai jenis. Menurut Nor Aisyah (2005), terdapat tujuh jenis elemen interaktif yang boleh digunakan dalam sesuatu aplikasi multimedia dan masing-masing mempunyai fungsi dan peranan yang tersendiri. Antara elemen interaktif tersebut adalah seperti berikut:

- i. Interaktif objek: Iaitu kekunci, manusia dan benda dalam perisian diaktifkan apabila input diterima untuk tindakbalas.
- ii. Interaktif linear: Fungsi yang membenarkan pengguna bergerak ke depan atau ke belakang dalam suatu jujukan linear.
- iii. Interaktif hierarki: Perisian memberikan pengguna set-set pilihan yang telah ditetapkan. Oleh itu pengguna boleh memilih laluan yang spesifik untuk mengakses kandungan.
- iv. Interaktif sokongan: Pengguna dibekalkan dengan pelbagai jenis bantuan "help" sokongan dan mesej, dari yang ringkas kepada yang sangat rumit.
- v. Interaktif kemaskini: Komponen perisian yang memulakan dialog antara pengguna dengan kandungan yang dihasilkan oleh komputer. Ia juga merupakan program yang memberi soalan atau masalah yang mesti diselesaikan oleh pengguna.
- vi. Interaktif reflektif: Merujuk kepada tindakbalas teks. Perisian akan memberi jawapan kepada pengguna menggunakan jawapan yang telah dikumpul dari pengguna lain. Seterusnya perbandingan boleh dilakukan.
- vii. Interaktif hyperlink: Pengguna diberi akses dan penerokaan terhadap kandungan perisian yang dibuat melalui konsep pautan.

Selain itu, ilmu Balaghah seharusnya diajar dalam suasana pembelajaran ilmu bahasa dan kesusasteraan Arab yang ditumpukan kepada penganalisisan teks yang dipelajari untuk menjelaskan kepada pelajar tentang keistimewaan, keunikan, kesenian dan keindahannya dari sudut kesusasteraan Arab (Nor Syazwani, 2014).

Sumber rujukan yang digunakan juga perlu dititikberatkan bagi mendapatkan kaedah pembelajaran yang berkesan, kebiasaannya selepas guru mengajar, pelajar akan diberikan latihan dan guru akan memberikan latihan serta tugas yang hanya ada di dalam buku (Azhar Muhammad et. al. 2004). Ini menyebabkan pelajar kurang didedahkan cara yang sebenar tentang ilmu Balaghah kerana pelajar hanya menggunakan sebuah buku sahaja sebagai rujukan dan latihan. Pelajar banyak terikat dengan buku sahaja berbanding praktikal pembelajaran ilmu Balaghah yang sebenar.

Oleh itu, kaedah pembelajaran yang terkini yang lebih menyeronokkan dan menarik perlu dijalankan semasa melaksanakan proses pembelajaran di dalam kelas (Azhar Muhammad 2008: 83). Hal ini bagi memudahkan pelajar untuk lebih memahami ilmu Balaghah dengan lebih mendalam dan cepat serta berkesan.

### **Pengajaran Modul**

Perkembangan sistem pendidikan merupakan salah satu aspek penting dalam era pembangunan sesebuah negara. Ianya perlu seiring dengan keperluan semasa agar sistem pendidikan dapat

menjalankan fungsinya untuk memenuhi keperluan semasa sesebuah masyarakat (Koh, 1994). Menurut Sazila (2002) mengatakan bahawa Sistem Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) hanya menggunakan buku teks atau satu sumber sahaja dalam mempelajari sesuatu mata pelajaran dilihat kurang memberikan kesan dalam pembelajaran pelajar. Pada kebiasaannya, maklumat yang terkandung di dalam buku teks hanya menyentuh sedikit tentang sesuatu topik dalam pembelajaran, di mana ianya hanya menyumbangkan pengetahuan asas sahaja. Manakala maklumat lain terpaksa dirujuk pada buku rujukan. Tambahan lagi, soalan-soalan yang terkandung di dalam buku teks juga terhad dan hanya menguji pengetahuan asas pelajar sahaja.

Oleh itu, pembelajaran modul dibina agar membolehkan para pelajar menjalankan proses pembelajaran mengikut kebolehan dan kadar sendiri (Shaharom & Yap, 1991). Menurut Tengku Mohd Azman (1991) menyatakan pengajaran bermodul membolehkan para pelajar untuk memilih pembelajaran paling efektif agar pembelajaran dapat berjalan dengan lebih berkesan dan produktif. Secara amnya, pembelajaran modul mengandungi pelbagai aktiviti pembelajaran seperti latihan, gambarajah dan sebagainya. Keadaan ini sekaligus dapat merangsang minat pelajar dalam sesuatu mata pelajaran.

Oleh itu, satu pembinaan modul pengajaran balaghah direkabentuk dengan teliti termasuklah pilihan pembelajaran disertakan agar ianya memerikan kebaikan kepada para pelajar. Ini merupakan salah satu pendekatan pengajaran yang dilihat berkesan dan mampu mengubah persepsi dan tekanan yang dihadapi oleh pensyarah mahupun pelajar yang mengambil subjek balaghah pada masa akan datang.

### **Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Berdasarkan dapatan analisa temubual bersama 13 orang pensyarah di seluruh IPTA di Malaysia mendapati bahawa para pensyarah secara umumnya bersetuju sekiranya lima kaedah pengajaran balaghah diajar kepada mahasiswa di IPTA. Antara kaedah pengajaran yang berkesan mengikut urutan adalah secara interaktif, komunikatif, secara langsung, mempunyai terjemahan dan bersifat elektif. Kaedah interaktif merupakan pilihan utama di kalangan pensyarah selari dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Ab. Rahman et. al. (2003). Beliau menyatakan bahawa kaedah interaktif ini kebiasaannya mendapat maklum balas atau kecepatan respon oleh pelajar serta merta dalam teknik pembelajaran dan pengajaran berkesan. Kaedah ini juga sekaligus akan menghubungkan komunikasi dua hala antara pelajar dan juga guru di dalam kuliah.

Seterusnya dari sudut pendekatan pengajaran modul balaghah yang sesuai digunakan pula hampir keseluruhan pensyarah bersetuju sekiranya menggunakan pendekatan berpusatkan murid iaitu terdapat interaksi dua hala antara guru dan murid. Selain itu pendekatan induktif dan deduktif menurut pensyarah juga sesuai digunakan dan sekali-sekala pendekatan berpusatkan guru boleh turut digunakan dalam kaedah pengajaran. Menurut Noraini (2001) mengatakan kebanyakan guru pada hari ini hanya tertumpu kepada buku teks sahaja dan menggunakan kaedah mengajar berpusatkan guru. Alasan yang diberikan adalah kerana kekurangan masa dan ingin menghabiskan sukatan pelajaran. Tidak dinafikan bahawa perkara ini merupakan salah satu dilema yang perlu dihadapi oleh semua pensyarah Bahasa Arab. Namun begitu, sekiranya kaedah dan pendekatan yang sesuai digunakan ke atas pelajar, ianya mampu menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih terfokus dan cepat dihafami.

Menurut Maria Chong Abdullah et. al (2011) dalam pelaksanaan pembelajaran berpusatkan pelajar, setiap pensyarah perlu bertindak sebagai seorang fasilitator dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah. Ia merupakan satu strategi yang dapat menggalakkan pelajar



terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran balaghah. Pensyarah juga perlu mempunyai kepekaan dan persepsi yang tepat terhadap keperluan pelajar serta bijak menggunakan bahan bantu mengajar belajar bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran balaghah berjalan dengan lancar sejajar dengan objektif pengajaran pembelajaran yang ditetapkan.

Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat juga sumber rujukan modul balaghah yang dicadangkan oleh para pensyarah. Antaranya ialah berdasarkan Jadual 1:

**Jadual 1: Cadangan rujukan modul balaghah  
Sumber: Temubual 2017**

<b>Nama Penulis</b>	<b>Tajuk</b>
Ali Jarim dan Mustafa Amin	Al-Balaghah Al-Wadiah
Ahmad Hashimi	Jawahir al-balaghah
Ahmad Matlub	Usalib al-Balaghiyah al-Fusohah, al-Balaghah, al-Ma'ani
Abd al-Qahir al-Jurjani	Dala'il al-I'jaz
Abd al-Qahir al-Jorjani	Asrar al-Balaghah
Bakri Shaykh Amin	Al-Balaghah al-'Arabiyah fi Thawbiha al-Jadid
Abdul Aziz 'Atiq	Fi al-Balaghah al-'Arabiyyah
Abdul Aziz 'Atiq	'Ulum al-Balaghah: al-Badi' wa al-Bayan wa al-Ma'ani
Abd Al-Qasim Mahmud ibn Muhammad ibn 'Umar Al-Zamkhsyari	Tafsir Al-kasysyaf 'an Haq Al-Tanzil wa 'Uyun Al-Aqawil fi Wujub Al-Ta'wil.
Shaykh Muhammad 'Aly Al-Sabuny	Safwat Al-Tafasir
Jalal al-Din Muhamad bin Abd al-Rahman al-Khatib al-Qazwini	Idah fi 'Ulum al-Balaghah
Muhammad al-Tahir Ibn al-Ashur	Tafsir al-tahrir wa al-tanwir
Fadl Hasan Abbas	'Ijaz al-Quran al-Karim

Namun begitu, ada pendapat yang mengatakan buku *Al-Balaghah Al-Wadiah* oleh Ali Jarim dan Mustafa Amin tidak sesuai dijadikan rujukan bagi modul balaghah kerana ianya lebih sesuai digunakan di peringkat sekolah menengah. Berdasarkan Jadual 1 juga menunjukkan kesepakatan pensyarah di seluruh IPTA Malaysia bahawa buku yang harus dirujuk untuk membina sebuah modul balaghah yang selaras di seluruh IPTA.

Dari sudut contoh (*syawahid*) utama yang digunakan bagi modul balaghah, majoriti pensyarah bersetuju sekiranya menggunakan contoh al-Quran, hadis, syair, teks moden, nathr dan contoh daripada bahasa Melayu selepas analisis temubual dilakukan. Manakala dari sudut modul yang digunakan dalam pengajaran balaghah pula hampir keseluruhan pensyarah menggunakan buku penulis dari negara Arab berbanding modul yang dibina sendiri, penulis tempatan, penulis luar negara yang bukan dari negara Arab, penulis Arab untuk pelajar Malaysia dan kitab thurath yang lain.

Berdasarkan maklumat di atas, jelas bahawa dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan kemahiran balaghah kepada pelajar memerlukan penggunaan modul pembelajaran. Menurut Azita et al (2012) menyatakan bahawa modul pembelajaran yang dibina dapat memberi sumbangan yang amat besar dalam mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran (P&P) di kalangan pensyarah dan pelajar. Bahan rujukan berkualiti yang dikumpulkan dan disatukan juga dapat membantu proses pembelajaran pelajar serta memudahkan pelajar dalam memenuhi aktiviti pembelajaran. Pembelajaran menggunakan modul adalah pendekatan yang memberi akses kepada sumber pembelajaran dan membolehkan para pelajar memperolehi pengetahuan dan kemahiran secara berdikari.

Selain itu, para pensyarah juga mengatakan bahawa bentuk ujian dan pengukuhan modul balaghah yang sesuai adalah terdiri daripada soalan analisis teks, soalan aplikasi, soalan struktur, soalan objektif dan soalan soalan esei. Elemen terjemahan dalam pengujian dan pengukuhan modul balaghah turut dititik beratkan oleh para pensyarah dan menurut seorang pensyarah yang ditemubual, ianya perlu dimasukkan dalam pengujian dan pengukuhan modul ini untuk melihat sejauh mana kefahaman pelajar dalam subjek ini.

Menurut Tomlinson (2002) pengajar boleh melakukan pembezaan daripada segi kandungan, proses dan produk mengikut kesediaan, minat dan profil pelajar, menerusi pelbagai strategi pengajaran dan pengurusan. Pengajar juga perlu merancang aktiviti P&P yang boleh merangsang minat pelajar untuk bangkit dan mengenal pasti keunikan masing-masing serta menggunakan kelebihan tersebut untuk menerima dan memproses maklumat serta idea. Pelajar juga harus digalakkan untuk memupuk dan melatih kelebihan yang ada pada diri masing-masing dan kemudian menggunakannya untuk menghasilkan sesuatu yang menjadi bukti kepada pensyarah bahawa pembelajaran telah berlaku dengan jayanya

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa satu pendekatan dalam pengajaran modul balaghah perlu diperkasakan dan penambahbaikan oleh pensyarah dan universiti seperti sukatan pelajaran, kaedah mengajar, penyediaan modul khas balaghah dan sebagainya. Hasil daripada kajian di atas juga menunjukkan bahawa teknik dan kaedah pengajaran perlu diperbaharui dan dipelbagaikan bagi menarik minat para pelajar dalam mendalami ilmu balaghah. Faktor penyediaan teks bahasa Arab yang dilihat kurang sesuai dengan tahap dan kebolehan pelajar juga mampu menghilangkan minat dan motivasi pelajar dalam mendalami ilmu ini. Oleh itu, satu modul perlu diwujudkan selari dengan hasil temubual daripada pensyarah seluruh IPTA di Malaysia agar pembelajaran balaghah di peringkat IPT dapat diselaraskan dan meningkatkan lagi mutu pembelajaran yang sedia ada.

### **Rujukan**

- Ab. Rahim Hj. Ismail. (1999). *Taalim al-Balaghah al-Arabiyyah fi Kuliyyah al-Dirasat al-Islamiyyah*. Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab – Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 185-194.
- Abdullah Tahmim. (1999). Pengajaran balaghah di Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Kilani Mohamed. (2001). *Teori pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah menengah agama di Malaysia*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Anuar Sofian, Salmah Ahmad & Kaseh Abu Bakar. (2013). *Penguasaan dan permasalahan pelajar terhadap pengajian ilmu Balaghah: satu tinjauan awal*. Jurnal Islamiyyat. (Online) Available: <http://journalarticle.ukm.my/6872/1/4204-9684-1-SM.pdf> (accessed on April 20, 2016).
- Anuar Sopian. (2013). *Penguasaan dan Permasalahan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu Balaghah: Satu Tinjauan Awal*. Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azhar Muhammad, Ahmad Kilani & Kamarul Azmi Jasmi. (2004). *Sudut Perbezaan Mata Pelajaran Al-Balaghah Peringkat Spm Dan Stpm Mempengaruhi Perkaedahan Dan Teknik Pengajaran Dan Pembelajaran*, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Azhar, Muhammad. (2008). *Pendidikan Balaghah Arab di Malaysia*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

- Azita Ali & Prof Madya Dr Muhammad Sukri Bin Saud. (2012). Fasa Awal: Pembentukan Kerangka Pembinaan Modul Bahasa C Berteraskan Model Integrasi Pembelajaran Berasaskan Masalah dan Pendidikan Berteraskan Kompetensi, Disertasi UTM Skudai Johor.
- Husin Sulaiman Qurrah. t.t. *Dirasat Tahliliyyah wa Mawaqif Tatbiqiyyah Fi Ta 'lim al-Lughah al 'Arabiyyah wa al-Din al-Islami*. Kaherah:Dar al-Maarif.
- Koh Boh Boon. (1981). *Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Maria Chong Abdullah, Samsilah Roslan & Tajularipin Sulaiman. (2011). Strategi Pengajaran Pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Anjakan Paradigma. *Jurnal Majlis Dekan Pendidikan Malaysia* 8: 101-115.
- Nik Mohd Rahimi. (1999). *Turuq Tadris al-Lughah al-'Arabiyyah*. Bangi: UKM.
- Noraini Idris. (2001). *Pedagogi Dalam Pendidikan Matematik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Nor Syazwani Armuji & Zamri Arifin. (2014). *Pembelajaran Balaghah Di Peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) Di Selangor*, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Aisyah Fadil. (2005). *Pembangunan Aplikasi Multimedia*. Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi Multimedia, Universiti Terbuka Malaysia.
- Phillips, R. (1997). *The Developers handbook to Interactive Multimedia: A Practical Guide for Educational Applications*. London: Kogan Page.
- Raja Hazirah Raja Sulaiman. (2012). Penguasaan Balaghah Dalam Kalangan Pelajar IPT. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Raja Hazirah Raja Sulaiman. (2014). *Keberkesanan Metode Perbandingan Retorika Melayu Dan Arab Untuk Meningkatkan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Balaghah*. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Tomlinson, C. A. (2000). *Differentiation of Instruction in the Elementary Grades*. ERI Digest. ERIC Clearinghouse on Elementary and Early Childhood Education.
- Shuhaida Hanim Mohamad Suhane. (2014). *Kepentingan Memperkenalkan Model Strategi Pengajaran Balaghah Peringkat IPT Di Malaysia*, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- Sohair Abdel Moneim Sery.(1999). *Perintis ke Arah Memberi Nafas Baru kepada Ilmu Balaghah*. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zulkhairi M. Abd Hamid. (2012). *Reka bentuk perisian pembelajaran Balaghah Arab Peringkat sekolah Menengah*. Disertasi Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.